

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

RME 458 Pengurusan Harta

Masa : (3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan sahaja.

1. Di dalam pengurusan harta kebanyakan keputusan utama yang dibuat tergolong di dalam kategori yang tertentu.

Huraikan kesemua kategori ini serta bincangkan keadaan yang mewujudkan perbezaan di dalam membuat keputusan.

(20 markah)

2. Pasaran harta merupakan pasaran yang kurang sempurna.

Apakah sifat-sifat pasaran harta yang menghalangnya mencapai darjah kesempurnaan yang lebih tinggi?

(20 markah)

3. Penggubalan strategi pemasaran bersepadu bertujuan memenuhi kehendak pengguna.

Bagaimanakah cara merumuskan strategi ini supaya memberikan hasil yang baik?

(20 markah)

4. (a) Sesuatu kontrak untuk menjadi sah dan berkuatkuasa mestilah dibentuk dengan cara yang sama.

Bincangkan tentang bentuk ini dan berikan kes-kes yang bersesuaian untuk memperkukuhkan hujah-hujah anda.

(10 markah)

(b) Dengan ringkas bincangkan peranan pihak berkuasa di dalam mempengaruhi arah pasaran harta.

(10 markah)

5. Pemilihan bahan-bahan binaan yang sesuai merupakan salah satu faktor yang menentukan beban kerja senggaraan untuk sesebuah bangunan.

Bincangkan akibat-akibat daripada pemilihan bahan-bahan binaan yang tidak sesuai.

(20 markah)

6. Di dalam pengurusan senggaraan terdapat pelbagai jenis senggaraan.

Senaraikan semua jenis senggaraan ini serta berikan contoh untuk menjelaskan penerangan anda.

(20 markah)

7. (a) Bilakah teknik pengekosan kitar hayat patut digunakan di dalam pengurusan senggaraan dan apakah faedahnya kepada pemilik bangunan?

(10 markah)

- (b) Bagaimanakah kos senggaraan dapat dikawal dengan berkesan?

(10 markah)

-ooo00ooo-